

HASiL/2026/08/14 – 42

**PENDAFTARAN SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN 2026
(BELANJAWAN 2027) KINI DIBUKA**

CYBERJAYA, 14 OGOS 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) akan menganjurkan Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) 2026 (Belanjawan 2027) susulan pembentangan Belanjawan 2027 yang dijadualkan pada bulan Oktober 2026.

SPK 2026 akan berlangsung secara dalam talian melalui aplikasi Zoom dalam dua siri:

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Siri 1	14 Oktober 2026 (Rabu)
2.	Siri 2	21 Oktober 2026 (Rabu)

Pendaftaran seminar kini dibuka menerusi portal SPK melalui pautan <https://heal.hasil.gov.my/>.

Seminar ini menghimpunkan pembentang dan ahli panel berpengalaman dalam bidang percukaian yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Kewangan Malaysia, HASiL, Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM) dan Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (M.A.T.A).

Ms | 1

Di samping itu, seminar ini turut memberi tumpuan kepada perkembangan, perubahan dan isu semasa percukaian yang penting untuk diketahui oleh pembayar cukai, pengamal percukaian, badan perakaunan serta komuniti profesional.

Antara topik utama yang akan dibincangkan ialah:

1. Topik 1 - Cadangan Belanjawan 2027

Kupasan perkembangan dan cadangan dasar percukaian yang bakal memberi impak kepada ekosistem percukaian dan pembayar cukai.

2. Topik 2 - Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) e-Invois

Perkongsian berkaitan perkembangan dan pelaksanaan PKPS e-Invois dalam memperkukuh pematuhan percukaian.

3. Topik 3 - Duti Setem: Kenal Pasti Instrumen, Tentukan Duti Dengan Betul

Panduan dan perkongsian berkaitan pengenalan instrumen serta penentuan duti setem yang tepat.

Penganjuran seminar ini memberi peluang kepada orang ramai khususnya pengamal percukaian, badan perakaunan dan profesional serta pembayar cukai untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan dengan perkembangan dasar dan perundangan percukaian susulan Pembentangan Belanjawan 2027.

Majikan yang berdaftar dengan Human Resource Development Corporation (HRD Corp) juga boleh menuntut kos latihan peserta SPK 2026, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Majikan berdaftar yang berminat hanya perlu memilih '**Non-Registered Training Provider Details – Government**' di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL) semasa membuat permohonan geran latihan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 14 Ogos 2026